

93

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN
BIN MOHD HARUN
NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

NO. SOALAN : 351

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bagaimanakah usahawan
ICT Bumiputera telah mendapat manfaat sejak
penubuhan MARA Digital Mall dan adakah
penubuhannya akan diperluaskan di setiap negeri.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Usahawan-usahawan ICT Bumiputera telah mendapat manfaat di bawah program MARA Digital ini, antaranya ialah:

- i. Penyediaan ruang niaga yang komprehensif dan strategik.
- ii. Kadar sewa yang berpatutan termasuk diberi tempoh bernafas antara 6 – 12 bulan.
- iii. Para usahawan diberi latihan keusahawanan daripada pelbagai aspek, antaranya *window dressing*, khidmat pelanggan, *negotiation skills*, dan banyak lagi.
- iv. Promosi berkala telah dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), *anchor tenant* dan usahawan. Antara aktiviti yang dijalankan bagi membantu peniaga adalah seperti penganjuran program promosi jualan, edaran *flyers*, *bus wrapping*, *bunting*, tayangan di LED *Billboard* dan hebahan melalui media cetak dan elektronik.

- v. Penubuhan jawatankuasa yang ditubuhkan bersama wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk memastikan ketulenan produk yang dijual di MARA Digital.
- vi. Kemudahan pembiayaan perniagaan MARA kepada usahawan yang memenuhi syarat. Sebanyak RM8,370,000 juta telah diluluskan untuk 11 orang usahawan di seluruh MARA Digital yang memohon kemudahan pembiayaan ini.

MARA Digital akan diperluaskan ke seluruh negara. Perancangan terdekat ialah pewujudan MARA Digital Johor di Plaza Larkin, Johor dan Mini MARA Digital Melaka di RTC Sg. Rambai, Melaka yang akan beroperasi pada suku pertama tahun 2018. Seterusnya MARA Digital Terengganu dan MARA Digital Kelantan dijangka akan dibuka dalam tahun 2018. Negeri-negeri lain akan menyusul pada tahun 2019 dan 2020.

96

Melalui konsep MARA Digital ini, usahawan-usahawan ICT Bumiputera yang tidak berada di dalam MARA Digital turut menerima kesan yang sama iaitu mendapat manfaat dari sudut latihan keusahawanan, pembiayaan perniagaan, bantuan promosi dan khidmat nasihat dan bimbingan yang berterusan.